

23/09/2003

Felda Holdings ke BSKL dibincang akhir bulan

KUALA LUMPUR: Penyenaraian Felda Holdings Sdn Bhd ke Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akhir tahun ini dibincangkan secara terperinci dengan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, akhir bulan ini.

Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Tan Sri Rozali Ismail, berkata perbincangan itu bertujuan mendapatkan maklumat lengkap mengenai penyenaraian Felda untuk disebarikan kepada masyarakat tanah rancangan di seluruh negara.

"Pertemuan itu penting untuk ahli gabungan dan peneroka kerana mereka terbabit secara langsung dalam penyenaraian Felda di BSKL kelak.

"Selain itu, kita mahu peneroka lebih memahami hasrat kerajaan membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat Felda," katanya pada kenyataan media yang dikeluarkan, semalam.

Pada pembentangan Bajet 2004 12 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penyenaraian Felda Holdings Sdn Bhd ke BSKL.

Katanya, cadangan itu selaras matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti 30 peratus dalam sektor korporat.

Beliau berkata, penyenaraian Felda dilakukan secepat mungkin tetapi ia masih tertakluk kepada pematuhan prosedur perundangan tertentu.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan kawalan terhadap Felda selepas ia disenaraikan di BSKL.

Rozali berkata, pertemuan dengan menteri itu juga untuk memaklumkan hasrat GWGF supaya dilantik sebagai panel dalam jawatankuasa pemantau bagi proses penyenaraian itu.

"GWGF berpendapat penyenaraian itu memberi faedah kepada pemegang saham Koperasi Pemodalan Felda (KPF) yang mempunyai pegangan saham sebanyak 51 peratus dalam Felda Holdings Sdn Bhd.

"Sebanyak 88.9 peratus daripada mereka adalah peneroka dan generasi kedua yang menjadi peneroka menggantikan ibu bapa mereka yang meninggal dunia," katanya.

Bagaimanapun, Felda masih mempunyai tanggungjawab kepada lebih 275 rancangan Felda yang masih ditadbirnya dan pengurusan ladang seluas 447,246 hektar yang dimiliki penerokanya.

"Di samping itu tanah rancangan yang sudah diberi hak milik dan tidak lagi ditadbir Felda perlu juga diberi perhatian," katanya.

Justeru, katanya menjadi harapan GWGF fungsi dan corak pengurusan Felda terhadap aktiviti peneroka dan ladang dipertingkatkan selepas penyenaraian itu.

"Ini kerana pembabitan anak syarikat Felda dalam majoriti aktiviti hiliran ladang milik peneroka bermula daripada pembinaan hingga peringkat pemasaran hasil," katanya.